

▼22/08/15-51MS'

CNS6820

R GB 22-08 00211 BB636

bah

KERAJAAN KAJI PERMOHONAN MUSTAPHA UNTUK DAPATKAN DUA TIMBALAN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengkaji permintaan Menteri Hal Ehwal Sabah yang baru dilantik, Tun Datu Mustapha Datu Harun, yang mahukan dua timbalan menteri untuk membantu dalam tugasnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya pemberita di Stesen Tertera Udara Diraja Malaysia Sungai Besi, sekembalinya dari lawatan rasmi empat hari ke Thailand.

Mustapha, yang mengangkat sumpah sebagai Menteri dua hari lalu, berkata bahawa beliau memerlukan dua timbalan untuk membantu menjalankan tugasnya.

Setibanya di pangkalan udara itu, Dr Mahathir disambut oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan pegawai-pegawai lain.

Semasa lawatannya, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Thai Chuan Leekpai meliputi pelbagai isu, termasuk usaha untuk menggalakkan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand dan kemungkinan memasang kereta Proton di Thailand.

Rombongan Perdana Menteri termasuk Menteri Luar Datuk Abdullah Badawi, Menteri Pelancongan dan Kesenian Datuk Sabbaruddin Chik, pengerusi Lembaga Pembangunan Langkawi Tun Daim Zainuddin, Menteri Besar Perlis, Kedah dan Perak dan Ketua Menteri Pulau Pinang, dan ahli-ahli perniagaan.

Beliau dan rombongannya bermalam di Koh Samui, sebuah pulau peranginan di Teluk Thailand, untuk meninjau projek-projek pembangunan pelancongan. -- Bernama

▼22/08/16-31MS'